



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI
PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI
KALI KE-228 BIL. 35/ 2026

**KETETAPAN TEMPOH AKHIR PENGGUNAAN PERUNTUKAN TABUNG AMANAH
AKTIVITI PELAJAR (HEP3019) DAN TABUNG AMANAH YURAN AKTIVITI PELAJAR
PASCA-SISWAZAH (CGS3006) BAGI BADAN PELAJAR**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

TUJUAN

Arahan Pentadbiran ini bertujuan menetapkan tempoh akhir penggunaan peruntukan **Tabung Amanah Aktiviti Pelajar (HEP3019) dan Tabung Amanah Yuran Aktiviti Pelajar Pasca-Siswazah (CGS3006)** oleh semua Badan Pelajar Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) bagi memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan secara terancang, teratur dan selaras dengan sesi akademik semasa.

LATAR BELAKANG

Tabung Amanah Aktiviti Pelajar (HEP3019) dan Tabung Amanah Yuran Aktiviti Pelajar Pasca-Siswazah (CGS3006) diwujudkan bagi membiayai pelaksanaan program dan aktiviti pembangunan pelajar yang dianjurkan oleh Badan Pelajar selaras dengan dasar serta peraturan kewangan Universiti.

Bagi memastikan pengurusan peruntukan dilaksanakan secara lebih cekap serta memudahkan proses penutupan akaun kewangan pada setiap sesi akademik, satu ketetapan berkaitan tempoh akhir penggunaan peruntukan dan pengemukaan tuntutan perlu dilaksanakan.

Ketetapan ini telah dibincangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat **MTAP Executive Bil. 2 Sesi 2025/2026** yang diadakan pada 13 April 2026. Sehubungan itu, Arahan Pentadbiran ini dikeluarkan sebagai panduan kepada semua Badan Pelajar bagi memastikan setiap program, komitmen kewangan dan tuntutan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

KETETAPAN PELAKSANAAN

Selaras dengan keputusan tersebut mulai Sesi Akademik 2025/2026 semua Badan Pelajar hendaklah mematuhi ketetapan berikut:

Semua peruntukan Tabung Amanah Aktiviti Pelajar (HEP3019) dan Tabung Amanah Yuran Aktiviti Pelajar Pasca-Siswazah (CGS3006) hendaklah digunakan selewat-lewatnya pada 30 September setiap tahun atau sehingga berakhirnya sesi akademik semasa, mengikut mana-mana yang terdahulu.

Semua program yang menggunakan peruntukan HEP3019 dan CGS3006 hendaklah dilaksanakan dan disempurnakan sebelum tempoh tersebut.

Semua tuntutan kewangan, penyelesaian bayaran serta dokumen sokongan hendaklah dikemukakan kepada Akademi ADAB dalam tempoh yang ditetapkan.

Sebarang baki peruntukan yang tidak digunakan selepas tarikh tersebut adalah terbatal dan tidak boleh dibawa ke sesi akademik berikutnya, kecuali mendapat kelulusan khas daripada pihak Universiti.

Sebarang komitmen kewangan atau tuntutan yang dikemukakan selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan, melainkan mendapat kelulusan khas daripada pihak Universiti.

KUAT KUASA

Arahan Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai **Sesi Akademik 2025/2026** dan terpakai kepada semua Badan Pelajar yang menerima peruntukan di bawah **Tabung Amanah Aktiviti Pelajar (HEP3019)** dan **Tabung Amanah Yuran Aktiviti Pelajar Pasca-Siswazah (CGS3006)**.

PENUTUP

Semua Badan Pelajar hendaklah mematuhi ketetapan ini bagi memastikan pengurusan kewangan Universiti dilaksanakan secara berhemah, teratur dan mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Kerjasama semua Badan Pelajar dalam merancang penggunaan peruntukan serta mengemukakan tuntutan mengikut tempoh yang ditetapkan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

Akademi ADAB
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
Tarikh: 5 Ogos 2026